

**MEREKAH...** Setiausaha Jawatan Kuasa Bertindak Terowong Sungai-Bunus, Abdul Ghani Muhammad Nor menunjukkan rumah penduduk yang retak di Kampung Pindah.



**TERBELAH...** Sulaiman Hassan menunjukkan dinding rumahnya yang retak.



**RETAK...** Izhar Yahya menunjukkan keretakan di rumahnya.

Pemilik tanah tak dapat pampasan kediaman rosak

# Rumah merekah

>>Oleh Ardyhansah Amat  
ardyhansah@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Hampir setiap malam sembilan pemilik tanah di Kampung Pindah, di sini, tidak lena tidur memikirkan risiko kejadian tanah mendap di rumah mereka berikutan kejadian terowong 'meletup' di situ dua tahun lalu.

Sejak kejadian itu sembilan pemilik tanah terbabit masih tidak mendapat pampasan di sebalik kerosakan rumah serta kerugian dialami mereka.

Penduduk, Sulaiman Hassan, 50, berkata, pihaknya difahamkan berdasarkan kajian dilakukan, masalah itu berpunca daripada terowong Sungai Bunus yang dibina di bawah perumahan mereka tidak diselenggara sehingga ia tersumbat.

"Kemuncak masalah itu berlaku apabila terowong itu tidak dapat menampung tekanan pecah menyebabkan rumah di sini rosak teruk dan struktur tanah tidak stabil.

>LIHAT MUKA 2

# Janji bertahan 100 tahun

Penduduk tanggung kerugian akibat terowong atasi banjir tersumbat

>DARI MUKA 1

"Sehingga kini, belum ada penyelesaian muktamad diambil pihak berkuasa. Mereka mahu kami berpindah ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) Air Panas bagi membolehkan mereka membaiki terowong itu tanpa memberi pampasan," katanya.

Menurut Sulaiman, penduduk menanggung kerugian akibat kerosakan harta benda selain hilang punca pendapatan rumah sewa mendaftarkan penyewa berpindah keluar selepas insiden itu.

Menyingkap kembali sejarah terowong itu, Osman Kasmadi, 75, berkata, penduduk diminta berpindah ke tempat lain bagi membolehkan pembinaannya dilakukan pada 1969.

"Ketika itu, kami difahamkan pembinaan terowong itu bertujuan mengatasi banjir yang kerap melanda kampung bersebelahan.

"Walaupun tiada hitam putih antara penduduk dan kontraktor, atas dasar persaudaraan dan ingin membantu penduduk kampung lain kami membenarkan



**ROSAK** Izhar Yahya menunjukkan dinding rumahnya yang retak.

pembinaan terowong itu, sebelum membina semula rumah penduduk.

"Saya masih ingat bagaimana kontraktor terbabit meyakinkan kami terowong itu mampu bertahan 100 tahun, tetapi tidak membenarkan

pembinaan rumah konkrit di atas tapak itu, walaupun ia masih tanah kami," katanya.

Beliau yang kecewa dengan keadaan itu, berharap pemilik tanah mendapat pembelaan sewajarnya dari pihak ber-

kuasa kerana masalah itu berpunca daripada penduduk.

"Kami membenarkan terowong itu dibina, tetapi apabila masalah ini berlaku, tiada pihak membantu kami," katanya.

Sementara itu, Pengerusi

## Kerja bersih fasa dua

**K**UALA LUMPUR: Kerja pembersihan terowong Sungai Bunus merentasi Kampung Pindah, di sini, giat dijalankan walaupun kontraktor berdepan pelbagai masalah terutama membabitkan paras air.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Abu Bakar Mohd Yusof berkata, kerja

pembersihan terowong sepanjang hampir 1,000 meter itu yang bermula awal bulan ini kini memasuki fasa kedua membabitkan kawasan di bawah perumahan penduduk.

"Setiap hari kontraktor dilantik berdepan beberapa kekangan khususnya masalah paras air meningkat akibat hujan yang kerap berlaku," katanya

Jawatankuasa Bertindak Terowong Sungai Bunus, Kampung Pindah, Zainal Frederick berharap pihak berkuasa terutama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menangani masalah penduduk dengan lebih berkesan.

"Menurut laporan Institut Latihan dan Penyelidikan Jabatan Kerja Raya Malaysia (Ikram), kawasan ini tidak selamat diduduki.

"Disebabkan kelalaian JPS

dan DBKL yang tidak menyelenggara terowong berkenaan selain jangka hayatnya yang sudah tamat tempoh antara punca masalah ini berlaku.

"Mengikut perancangan DBKL, kami akan dipindahkan ke PPR Air Panas, tetapi sehingga kini tiada hitam putih mengenai perpindahan itu.

"Malah kami juga tidak menerima sebarang pampasan atau ganti rugi walaupun masalah ini sudah berlaku dua tahun," katanya.